



**PEKELILING AKADEMIK
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
Bilangan 03 Tahun 2023**

**GARIS PANDUAN PEWUJUDAN GELARAN KEHORMAT AKADEMIK
(PROFESOR KEHORMAT, PROFESOR MADYA KEHORMAT DAN
PENSYARAH KEHORMAT)
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penetapan Garis Panduan sebagai rujukan serta panduan kepada Fakulti/Pusat Pengajian tentang hal-hal berkaitan tadbir urus pelantikan gelaran kehormat akademik di UPNM.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pewujudan Gelaran Kehormat Akademik iaitu Profesor Kehormat, Profesor Madya Kehormat dan Pensyarah Kehormat adalah bertepatan dengan visi dan misi UPNM untuk menjadi sebuah universiti pertahanan primier dalam kepimpinan dan pembangunan profesional, penciptaan ilmu, penyebaran ilmu pengetahuan dan aplikasi sains pertahanan dan teknologi, serta penyelidikan polisi.

2.2 Dalam usaha memupuk dan memperkayakan lagi aspek akademik, penyelidikan, serta potensi kolaborasi dan perundingan, kepakaran oleh calon-calon yang dilantik pastinya dapat memberikan kelebihan kepada Universiti dalam jangka masa panjang khususnya untuk memangkin kecemerlangan akademik Universiti.

3.0 PUNCA KUASA

3.1 Senat UPNM.

4.0 TAFSIRAN ISTILAH DAN RUJUKAN

4.1 Di dalam garis panduan ini perkataan-perkataan berikut adalah memberi makna yang khusus untuk peraturan ini sahaja:

(1) “**Gelaran Kehormat Akademik**” ertinya gelaran yang diberikan kepada individu yang memenuhi kriteria sebagai Profesor Kehormat, Profesor Madya Kehormat dan Pensyarah Kehormat di Fakulti/Pusat Pengajian.

(2) “**Senat**” ertinya Senat seperti yang dinyatakan mengikut seksyen 22 Perlembagaan UPNM.

5.0 GELARAN KEHORMAT AKADEMIK

5.1 Gelaran Kehormat Akademik terbahagi kepada tiga (3) iaitu:

- (1) Profesor Kehormat
- (2) Profesor Madya Kehormat
- (3) Pensyarah Kehormat

5.2 Pelantikan calon tidak disandarkan kepada mana-mana skim dan gred perkhidmatan.

6.0 KRITERIA PELANTIKAN

6.1 Kriteria Kelayakan Pencalonan

(1) Calon hendaklah dalam kalangan tokoh korporat, pakar rujuk atau ahli akademik yang aktif atau bersara daripada mana-mana universiti atau institusi dari dalam atau luar negara (termasuk dari UPNM) yang diiktiraf kepakaran masing-masing;

(2) Mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam sesuatu bidang yang berkaitan dengan tujahan UPNM;

(3) Berpengalaman menyandang jawatan berkaitan akademik kanan atau memiliki sekurang-kurangnya kelulusan peringkat Ijazah Lanjutan daripada Universiti dalam atau luar negara yang diiktiraf.

(4) Telah memberikan sumbangan yang **Terpuji** (bagi Profesor Kehormat, **Cemerlang** (bagi Profesor Madya Kehormat), dan **Baik** (bagi Pensyarah Kehormat) dalam kerjaya atau bidang kepakaran sama ada melalui penyelidikan, pengajaran atau sumbangan profesional yang diakui kecemerlangannya.

7.0 SKOP DAN PERANAN

7.1 Calon yang dilantik memegang Gelaran Kehormat Akademik hendaklah terlibat dalam mana-mana skop dan peranan berikut:

- (1) Membantu dalam proses pengiktirafan daripada badan-badan

profesional bagi program-program yang berkaitan di Fakulti/Pusat pengajian;

- (2) Membantu menjalinkan kerjasama di antara UPNM dan Fakulti/Pusat Akademik dengan industri serta masyarakat;
- (3) Membantu dalam aktiviti penyelidikan dan perundingan;
- (4) Terlibat secara langsung dalam pembangunan pelan strategik UPNM bagi menjana dana bagi tujuan kelestarian UPNM;
- (5) Aktif sebagai mentor kepada pensyarah baharu;
- (6) Menyumbang secara kolaboratif dalam penulisan artikel untuk tujuan penerbitan;
- (7) Memberi khidmat nasihat dalam pembangunan kurikulum, silibus program pengajian dan pentaksiran pelajar;
- (8) Menyampaikan kuliah/syarahan dalam bidang kepakaran masing-masing mengikut keperluan UPNM serta Fakulti/Pusat Pengajian;
- (9) Menjadi penasihat kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang tertentu;
- (10) Lain-lain aktiviti yang ditentukan oleh UPNM.

8.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA

8.1 Calon yang dilantik memegang Gelaran Kehormat Akademik hendaklah memenuhi salah satu Petunjuk Prestasi Utama yang disenaraikan berikut:

- (1) Terlibat dalam pengajaran dan penyeliaan terutamanya untuk program Ijazah Lanjutan;
- (2) Terlibat dalam mendapatkan geran atau penajaan projek-projek baharu di Fakulti/Pusat Pengajian berkaitan;
- (3) Terlibat dalam proses jaringan kolaborasi strategik dengan pihak luar termasuk peringkat antarabangsa sehingga termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) atau Memorandum Perjanjian (MoA);
- (4) Terlibat menghasilkan penerbitan secara kolaboratif dalam jurnal berimpak tinggi yang diindeks ISI atau Scopus;
- (5) Terlibat menghasilkan penyelidikan atau produk penyelidikan

yang bertahap komersil dalam usaha meningkatkan status inovasi UPNM.

9.0 TEMPOH LANTIKAN

9.1 Tempoh lantikan adalah maksimum dua (2) tahun secara sepenuh masa atau separuh atau secara konsultatif mengikut keperluan Fakulti/Pusat Pengajian;

9.2 Pelantikan boleh disambung semula berdasarkan keperluan serta tertakluk kepada kelulusan Senat.

10.0 FAEDAH DAN KEMUDAHAN

10.1 Faedah Perubatan:

(1) Rawatan (diri sendiri sahaja) di Pusat Kesihatan UPNM.

10.2 Kemudahan:

- (1) Akses kepada Perpustakaan UPNM
- (2) Penggunaan alamat rasmi UPNM
- (3) Kad staf UPNM
- (4) Penggunaan emel rasmi UPNM
- (5) Kemudahan Internet UPNM
- (6) Kemudahan Sukan UPNM
- (7) Pelekat kenderaan
- (8) Kemudahan bilik pejabat
- (9) Jika seseorang itu bukan staf atau bukan mantan staf UPNM, beliau hanya layak mendapat faedah perubatan diri sendiri (kes pesakit luar) hanya ketika berada di premis UPNM sahaja, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

11.0 PEMATUHAN PERATURAN UPNM

11.1 Calon yang dilantik memegang Gelaran Kehormat Akademik hendaklah mematuhi peraturan yang dikuat kuasakan di UPNM dan hendaklah menjaga imej serta nama baik UPNM pada sebilang masa.

12.0 IMPLIKASI KEWANGAN

12.1 Pewujudan Gelaran Kehormat Akademik (Profesor Kehormat, Profesor Madya Kehormat dan Pensyarah Kehormat) tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada UPNM.

12.3 Walau bagaimanapun, calon yang dilantik boleh menguruskan geran, anugerah atau lain-lain dana yang diperolehi sendiri semasa tempoh pelantikan

mengikut syarat dan peraturan sedia ada untuk penggunaan geran, anugerah atau lain-lain dana tersebut termasuk menikmati pembayaran honorarium.


13.0 TANGGUNGJAWAB FAKULTI/ PUSAT PENGAJIAN

13.1 Pencalonan Gelaran Kehormat Akademik hendaklah dibuat oleh Fakulti/ Pusat Pengajian melalui mesyuarat di peringkat masing-masing.

13.2 Setelah pencalonan dipersetujui dan dimuktamadkan di peringkat Fakulti/ Pusat Pengajian, cadangan pencalonan hendaklah dimajukan kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) untuk perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Akademik (JPPA) dan kelulusan Senat.

14.0 TARIKH KUAT KUASA

14.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai 20 Januari 2023 iaitu tarikh kelulusan Mesyuarat Senat 101 Bil. 1/2023.



PROF. DATO' TS. DR. AHMAD MUJAHID BIN AHMAD ZAIDI
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan kepada:

- Dekan Fakulti Kejuruteraan
- Dekan Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
- Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan
- Dekan Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan
- Pengarah Pusat Asasi Pertahanan
- Pengarah Pusat Bahasa
- Pengarah Akademi Kecergasan Pertahanan

Nombor Fail : UPNM(TNC)(A)01.03/04 (3)

Tarikh : 9 Mac 2023